



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD.5 (29)

Tarikh : 26 Februari 2024

Bersamaan : 16 Syaaban 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2024

KADAR YURAN ORIENTASI (MINGGU JALINAN MESRA-MJM) BAGI PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH DI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar baharu yuran orientasi (Minggu Jalinan Mesra-MJM) bagi program pengajian prasiswazah di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kadar yuran orientasi sedia ada adalah berjumlah RM200 merupakan yuran tidak berulang yang dibayar oleh pelajar pada semester 1.



- 2.2 Justifikasi penetapan kadar baharu yuran orientasi (Minggu Jalinan Mesra-MJM) bagi program pengajian prasiswazah adalah seperti berikut:
- a. Kadar sedia ada tidak pernah disemak sejak diluluskan penguatkuasaannya pada 2001; dan
 - b. Ianya tidak lagi relevan dengan kos yang ditanggung oleh universiti yang dijangka terus meningkat akibat ketidaktentuan harga barangan dalam pasaran.
- 2.3 Kadar yuran orientasi (Minggu Jalinan Mesra-MJM) bagi program pengajian prasiswazah ini telah mendapat perakuan dan kelulusan jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali ke-37 Bil. 1 Tahun 2024 pada 2 Januari 2024; dan
 - b. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-64 (Bil. 1 Tahun 2024) pada 22 Februari 2024.

3. KADAR YURAN ORIENTASI (MINGGU JALINAN MESRA-MJM) BAGI PROGRAM PENGAJIAN PRASISWAZAH UMT

Kadar yuran orientasi (Minggu Jalinan Mesra-MJM) bagi program pengajian prasiswazah adalah seperti berikut:.

<i>Kategori</i>	<i>Kadar/Seorang</i>
	<i>RM</i>
Pelajar Diploma & Sarjana Muda	300
Pelajar Asasi STEM	200

Jadual 1: Kadar yuran orientasi (Minggu Jalinan Mesra-MJM) bagi program pengajian prasiswazah

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai Semester 1 Sesi 2024/2025 (Julai & Oktober 2024) serta ianya perlu dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil. 16 Tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail